

30 DEC 2001

Mahathir-Kontrak

PM HURAI SEBAB BANYAK MAKMAL KOMPUTER TAK SIAP

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata amalan kontraktor Bumiputera menjual kontrak kepada orang lain dikenal pasti sebagai punca utama sebahagian besar projek makmal komputer sekolah di Semenanjung Malaysia masih gagal disiapkan.

Sambil berkata isu itu akan dibincangkan pada mesyuarat kabinet nanti, Perdana Menteri menjelaskan bahawa projek sering terbengkalai apabila ia membabitkan kontraktor Bumiputera kerana ramai daripada mereka gemar menjual kontrak kepada pihak ketiga yang seterusnya menjual kepada pihak keempat malah kelima semata-mata untuk mendapatkan keuntungan cepat.

"Kita nak bagi peluang kepada kontraktor Bumiputera, (tetapi) dia jual kontrak itu kepada orang lain dan orang itu jual kepada orang lain pula. Lepas tu, pihak terakhir yang nak buat itu, keuntungannya kecil sangat, kadang-kadang dia tak upaya siapkan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri rumah terbuka Aidilfitri Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin di Bandar Tun Hussein Onn di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai laporan sebuah akhbar hari ini mengenai kegagalan kontraktor menyiapkan projek tersebut walaupun Kementerian Pendidikan telah melanjutkan tempoh buat kali ketiga bagi empat kontraktor utama.

Menurut laporan itu, sehingga 15 Dis lepas, daripada 1,840 projek makmal komputer di empat zon semenanjung, 195 daripadanya belum dibina terutama di zon timur walaupun tempoh menyiapkannya akan tamat esok.

Akhbar itu juga melaporkan bahawa hanya 48 projek pembinaan makmal komputer yang berjaya disiapkan sepenuhnya manakala 1,597 projek masih dalam pembinaan.

Dr Mahathir berkata kabinet akan mengkaji punca sebenar kelembapan kontraktor menyiapkannya selepas tahun baru.

"Kita kena periksa kenapa, tentu ada sebabnya. Tahun baru ini, kita akan kaji," katanya.

-- BERNAMA

RBZ MAM MAI